

PERLINDUNGAN

A-Life *Signature-i* & A-Life *Signature-i PlusOne*

Signature  
Boost  
dengan  
**AIA Vitality**

# Melindungi Masa Depan Mereka Yang Tersayang



**AIA PUBLIC  
TAKAFUL**

Sebahagian dari



**THE REAL LIFE  
COMPANY**

Sebahagian dari



**THE REAL LIFE  
COMPANY**



**AIA PUBLIC  
TAKAFUL**

## Melihat faedah dengan lebih dekat



**MELINDUNGI MASA DEPAN DAN GAYA HIDUP ORANG KESAYANGAN ANDA!**

**100%** amaun perlindungan<sup>1</sup> atau nilai akaun akan dibayar sekiranya berlaku kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)<sup>2</sup>

**200%** amaun perlindungan<sup>1</sup> atau nilai akaun akan dibayar sekiranya berlaku kematian disebabkan kemalangan<sup>2</sup> atau kematian semasa menunaikan *Haji* atau *Umrah*<sup>2</sup>

**300%** amaun perlindungan<sup>1</sup> atau nilai akaun akan dibayar sekiranya berlaku kematian disebabkan kemalangan semasa menaiki kenderaan awam<sup>2</sup>



---



**GANJARAN BERNILAI APABILA MATANG!**

Terima **100%** dari nilai akaun setelah kematangan sijil serta **Pendorong Kematangan**, iaitu tambahan **20%** nilai akaun<sup>3</sup> anda



---



**TINGKATKAN PERLINDUNGAN ANDA!**

Lindungi diri anda daripada penyakit kritikal dengan faedah pilihan:

- **A-Plus CriticalCare-i** – membayar faedah sekaligus apabila disahkan menghidap penyakit kritikal<sup>4</sup>
- **A-Plus Waiver-i** – mengetepikan caruman apabila disahkan menghidap penyakit kritikal



---



**PILIH BERDASARKAN KEPERLUAN ANDA!**

Anda mempunyai fleksibiliti untuk memilih **usia kematangan / tempoh perlindungan** dan **tempoh bayaran caruman** anda



Nota:

<sup>1</sup> Untuk kematian selepas umur 80 tahun, tambahan 20% daripada nilai akaun akan dibayar tidak termasuk nilai akaun daripada tokon ad hoc (jika ada), dan tertakluk kepada maksimum 20% daripada amaun perlindungan semasa bagi pelan asas. Kami hanya akan membayar salah satu daripada faedah-faedah tersebut.

<sup>2</sup> Sebelum umur 70 tahun sahaja.

<sup>3</sup> Tidak termasuk nilai akaun daripada tokon ad hoc (jika ada), dan tertakluk kepada maksimum 20% daripada amaun perlindungan semasa bagi pelan asas.

<sup>4</sup> Faedah-faedah berbayar akan ditolak dari amaun perlindungan bagi pelan asas.



**HAD TANPA PEMERIKSAAN PERUBATAN YANG TINGGI!**

Anda boleh dilindungi sehingga **RM 1.5 juta** tanpa perlu menjalani pemeriksaan kesihatan<sup>5</sup>



---



**NIKMATI 10% POTONGAN DARI CARUMAN ASAS & BONUS KESETIAAN!**

Apabila anda menyertai pelan **A-Life Signature-i** untuk diri sendiri; pasangan atau anak anda (berumur 18 tahun dan ke atas) layak untuk menyertai **A-Life Signature-i PlusOne** untuk diri mereka sendiri dengan pengurangan sebanyak **10%** caruman<sup>6</sup> dan menerima Bonus Kesetiaan pada akhir setiap tahun sijil



---



**DAPATKAN LEBIH NILAI AKAUN DENGAN SIGNATURE BOOST!**

Apabila anda mendaftar sebagai ahli AIA Vitality ketika menyertai **A-Life Signature-i** atau **A-Life Signature-i PlusOne**, anda boleh **menerima nilai akaun<sup>3</sup> tambahan** pada tarikh matang atau apabila sijil ditamatkan kerana tuntutan



**AIA Vitality**

---



**PENYELESAIAN YANG PATUH SYARIAH!**

Nikmati perlindungan patuh Syariah

Memenuhi matlamat kewangan anda dengan instrumen – instrumen pelaburan Islam



Nota:

<sup>5</sup> Bergantung kepada umur dan keadaan kesihatan orang dilindungi.

<sup>6</sup> 10% lebih rendah daripada caruman sebenar sijil asas **A-Life Signature-i**. Tertakluk kepada terma dan syarat.

## Apakah yang perlu saya buat?

**LANGKAH 5**  
JADILAH AHLI AIA VITALITY  
DAN NIKMATI SIGNATURE  
BOOST

**Vitality**

LANGKAH 5

**LANGKAH 4**  
PILIH RIDER  
OPSYENAL

A-Plus  
CriticalCare-i

A-Plus  
Waiver-i

LANGKAH 4

**LANGKAH 3**  
PILIH TEMPOH  
PEMBAYARAN  
CARUMAN ANDA

5  
TAHUN

10  
TAHUN

20  
TAHUN

SEPANJANG  
TEMPOH  
SIJIL

LANGKAH 3

**LANGKAH 2**  
PILIH USIA  
KEMATANGAN / TEMPOH  
PERLINDUNGAN ANDA<sup>7</sup>

SEHINGGA  
UMUR  
70 TAHUN

SEHINGGA  
UMUR  
80 TAHUN

SEHINGGA  
UMUR  
100 TAHUN



LANGKAH 2

**LANGKAH 1**  
PILIH AMAUN  
PERLINDUNGAN  
ANDA



- Perlindungan minimum sebanyak RM 500,000 untuk **A-Life Signature-i**
- Perlindungan minimum sebanyak RM 350,000 untuk **A-Life Signature-i PlusOne**

LANGKAH 1

<sup>7</sup> Pilihan-pilihan bagi tempoh perlindungan bergantung kepada umur kemasukan.

## Faedah A-Life *Signature-i* dan A-Life *Signature-i PlusOne* dengan AIA Vitality

### Sertai AIA Vitality untuk menikmati Signature Boost

Sertai AIA Vitality untuk menikmati nilai akaun tambahan. AIA Vitality adalah program kesihatan berasaskan sains yang memperkasakan anda dengan pengetahuan, kelengkapan dan motivasi untuk menjadikan usaha anda menjaga dan meningkatkan tahap kesihatan lebih menyeronokkan dan juga dapat membuat perubahan yang nyata. AIA Vitality ditawarkan oleh AIA Health Services Sdn. Bhd. (No. Syarikat 388561-T).

### Apakah itu Signature Boost?

Signature Boost adalah faedah tambahan yang diberikan kepada anda apabila anda mendaftar sebagai ahli AIA Vitality semasa penyertaan anda dalam **A-Life Signature-i** atau **A-Life Signature-i PlusOne**. Anda boleh menerima nilai akaun tambahan apabila sijil anda matang atau apabila sijil anda tamat akibat kematian, tuntutan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) atau penyakit kritikal (jika berkenaan), berdasarkan pilihan anda yang sihat.

Peratusan asal Signature Boost bermula dari **20%**. Bagi setiap tahun berikutnya, Peratusan Signature Boost mungkin meningkat, menurun atau tetap sama berdasarkan Status AIA Vitality anda.

Status AIA Vitality	Perubahan dalam Peratusan Signature Boost
Platinum	Peratusan Signature Boost meningkat sebanyak 1% (+ 1%) dari tahun sebelumnya
Emas	Tiada perubahan (0%) dalam Peratusan Signature Boost dari tahun sebelumnya
Perak	Peratusan Signature Boost menurun sebanyak 2% (-2%) dari tahun sebelumnya
Gangsa	Peratusan Signature Boost menurun sebanyak 4% (-4%) dari tahun sebelumnya

Sekiranya anda lebih aktif dengan AIA Vitality, Peratusan Signature Boost (SB%) anda akan menjadi lebih tinggi; sekiranya anda tidak aktif, anda mungkin kehilangan faedah Signature Boost ini.


SB% terkumpul anda akan terkunci pada usia 55 ke atas atau pada ulang tahun Signature Boost yang ke 20, yang mana lebih lewat (SB% Terkunci). Ciri ini membantu untuk mendapatkan SB% terkumpul anda supaya anda tidak perlu bimbang tentang kehilangan SB%. Tambahan lagi, anda juga akan mempunyai peluang untuk meningkatkan nilai akaun anda apabila anda terus membuat pilihan yang sihat selepas SB% Terkunci.

Nota: Signature Boost adalah tidak termasuk nilai akaun dari tokokan ad hoc (jika ada), dan tertakluk kepada maksimum 20% daripada amaun perlindungan semasa pelan asas.


## Bagaimanakah Signature Boost berfungsi?

En. Johan, seorang lelaki bukan perokok berusia 30 tahun menyertai **A-Life Signature-i** dengan amaun perlindungan sebanyak RM 1 juta dan menyertai AIA Vitality. Dia telah memilih tempoh pembayaran caruman selama 10 tahun dan tempoh perlindungan sehingga umur 70 tahun dengan caruman tahunan sebanyak RM 16,930 dan memperuntukkan 100% ke dalam **A-Dana Equity**.

### SENARIO A



### SENARIO B



\*Peratusan Signature Boost (SB%)

Apabila sijil En. Johan matang pada umur 70 tahun, dia akan menerima:

Faedah	Senario A		Senario B	
	Peratusan Nilai Akaun	Amaun Faedah <sup>8</sup>	Peratusan Nilai Akaun	Amaun Faedah <sup>8</sup>
Faedah Kematangan	100%	RM 629,000	100%	RM 629,000
Pendorong Kematangan <sup>9</sup>	+20%	RM 125,800	+20%	RM 125,800
Signature Boost <sup>9</sup>	+40%	RM 200,000	+30%	RM 188,700
<b>Jumlah Faedah Kematangan</b>	<b>160%</b>	<b>RM 954,800</b>	<b>150%</b>	<b>RM 943,500</b>

Jika En. Johan meninggal dunia pada umur 65 tahun dan nilai akaun sijil beliau adalah RM 550,200<sup>8</sup>, keluarganya akan menerima:

Faedah	Penerangan	Amaun Faedah	
		Senario A	Senario B
Faedah Kematian	Lebih tinggi daripada Amaun Dilindungi atau Nilai Akaun	RM 1,000,000	RM 1,000,000
Signature Boost <sup>9</sup>	Tambahan nilai akaun adalah ditentukan dengan mendarabkan SB% semasa atau SB% Terkunci, yang mana lebih tinggi dengan nilai akaun sijil (tidak termasuk sebarang nilai akaun dari caruman tokokan ad hoc)	RM 200,000 (40% daripada nilai akaun sijil)	RM 165,060 (30% daripada nilai akaun sijil)
<b>Jumlah Faedah Kematian</b>		<b>RM 1,200,000</b>	<b>RM 1,165,060</b>

<sup>8</sup> Nilai akaun di atas adalah berdasarkan kepada senario tinggi dan untuk tujuan ilustrasi sahaja.

<sup>9</sup> Tidak termasuk nilai akaun dari tokokan ad hoc (jika ada), dan tertakluk kepada maksimum 20% daripada amaun perlindungan semasa pelan asas.

Sila rujuk kepada Illustirasi Produk / Helaian Pendedahan Produk dan Sijil Takaful untuk maklumat lanjut mengenai Signature Boost.

Sila rujuk kepada [www.aiavitality.com.my](http://www.aiavitality.com.my) untuk maklumat tentang program AIA Vitality.

## Soalan-soalan Lazim

### S: Apakah maksud Takaful?

Takaful ialah skim saling bantu-membantu berdasarkan prinsip-prinsip perpaduan, persaudaraan dan kerjasama. Setiap peserta bersetuju untuk membuat sumbangan berdasarkan *Tabarru'* (derma) ke dalam suatu dana, iaitu Dana Risiko Peserta (DRP), yang akan digunakan untuk saling bantu-membantu di saat diperlukan.

AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC) sebagai Pengendali Takaful diamanahkan untuk melabur dengan sewajarnya dan menguruskan dana ini berdasarkan strategi pelaburan mengikut prinsip-prinsip Syariah.

### S: Apakah A-Life *Signature-i* dan A-Life *Signature-i PlusOne*?

A-Life *Signature-i* merupakan pelan Takaful berkaitan pelaburan caruman berkala tetap patuh Syariah yang memberi perlindungan ke atas kematian termasuk kematian disebabkan kemalangan atau kematian semasa menunaikan ibadah *Haji* atau *Umrah* dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK). Ia memberi perlindungan yang tinggi dengan amaun perlindungan minimum merupakan sebanyak RM 500,000. Anda boleh memilih pelbagai tempoh pembayaran caruman dan tempoh perlindungan yang memenuhi keperluan anda.

A-Life *Signature-i PlusOne* mempunyai faedah yang sama seperti A-Life *Signature-i*. Apabila anda menyertai pelan A-Life *Signature-i* untuk diri sendiri; pasangan atau anak anda (berusia 18 dan ke atas) layak menyertai pelan A-Life *Signature-i PlusOne* untuk mereka sendiri. Mereka boleh menikmati pengurangan caruman asas sebanyak 10% dan Bonus Kesetiaan pada setiap hujung tahun sijil. Amaun perlindungan bagi pelan ini bermula dari RM 350,000.

Pelan-pelan ini memberi anda fleksibiliti untuk membuat pengeluaran awal dan menokok amaun pelaburan anda. Tambahan lagi, anda boleh menikmati perlindungan penyakit kritikal pada kos tambahan.

**Nota:** Sila ambil perhatian bahawa pengeluaran awal boleh menyebabkan penamatan awal sijil jika nilai akaun tidak mencukupi untuk menampung caj-caj sijil yang berkaitan.

### S: Siapakah yang layak untuk menyertai A-Life *Signature-i* dan A-Life *Signature-i PlusOne*?

Kedua-dua pelan ini disediakan untuk individual yang berumur 18 tahun hingga 70 tahun. Pelan A-Life *Signature-i PlusOne* hanya boleh disertai oleh pasangan atau anak (berusia 18 dan ke atas) pemegang sijil A-Life *Signature-i*. Usia kematangan / tempoh perlindungan adalah berbeza berdasarkan umur kemasukan, seperti yang diterangkan dalam jadual di bawah.

Umur Kemasukan	Usia Kematangan / Tempoh Perlindungan
18 - 55	Sehingga umur 70
18 - 65	Sehingga umur 80
18 - 70	Sehingga umur 100

### S: Berapakah caruman yang perlu dibayar untuk menyertai A-Life *Signature-i* dan A-Life *Signature-i PlusOne*?

Caruman adalah tetap dan bergantung kepada amaun perlindungan yang telah dipilih. Jadual di bawah menunjukkan kadar caruman tahunan bagi amaun perlindungan RM 500,000, bagi lelaki umur 40 bukan perokok, dengan kesihatan standard, dengan usia kematangan / tempoh perlindungan sehingga umur 70 tahun:

Tempoh Bayaran Caruman	Caruman Tahunan	
	A-Life <i>Signature-i</i>	A-Life <i>Signature-i PlusOne</i>
5	RM 18,875	RM 16,990
10	RM 9,765	RM 8,790
20	RM 5,455	RM 4,910
Sepanjang Tempoh Sijil	RM 4,160	RM 3,745

### S: Berapa lamakah tempoh bayaran caruman bagi A-Life *Signature-i* dan A-Life *Signature-i PlusOne*?

Anda harus mencarum mengikut kepada tempoh caruman yang telah anda pilih, 5 tahun, 10 tahun, 20 tahun atau sepanjang tempoh sijil.

Caruman boleh dibayar mengikut mod pembayaran; tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan. Anda boleh memilih untuk membuat pembayaran caruman dengan kad kredit, kemudahan auto-debit bank, cek atau wang tunai.

### S: Bagaimana caruman saya diperuntukan?

Caruman Berkala oleh Anda:	
Caruman Diperuntukan	Yuran Wakalah
<ul style="list-style-type: none"> <li>Caruman-caruman yang diperuntukan akan digunakan untuk membeli unit-unit berdasarkan harga unit.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li><i>Wakalah</i> adalah kontrak di antara Peserta dengan Pengendali Takaful, di mana Peserta memberi kebenaran kepada Pengendali Takaful untuk bertindak bagi pihak mereka untuk menjalankan urusan-urusan Takaful.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Unit-unit yang telah dibeli akan dimasukkan ke dalam Dana Pelaburan Peserta (DPP).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Caruman akan dipotong mengikut peratusan yang ditentukan terlebih dahulu sebagai yuran <i>Wakalah</i>, dan ia akan digunakan untuk membayar perkhidmatan yang diberi oleh Pengendali Takaful.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebahagian daripada unit-unit akan digunakan untuk membayar <i>Tabarru'</i> secara bulanan dan akan dikreditkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Yuran <i>Wakalah</i> akan digunakan untuk menampung perbelanjaan pengurusan dan kos pengagihan secara langsung oleh Pengendali Takaful, termasuk komisen yang dibayar kepada ejen-ejen.</li> </ul>

Caruman berkala anda bergantung kepada tempoh caruman yang telah anda pilih. Sila rujuk kepada Ilustrasi Produk dan Helaian Pendedahan Produk untuk maklumat lanjut. Bergantung kepada opsyen yang telah anda pilih, sebahagian dari caruman anda akan dicarumkan ke A-Life *SignatureSaver-i* dengan jumlah peruntukkan lebih tinggi, sebanyak 95%.



Caruman yang diperuntukan akan digunakan untuk membentuk akaun-akaun berikut di dalam **A-Life Signature-i** dan **A-Life Signature-i PlusOne** :

Jenis-jenis Akaun	Penerangan
Dana Pelaburan Peserta (DPP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>DPP individu terdiri daripada unit-unit (dikenali sebagai Nilai Akaun) yang dihasilkan dengan melaburkan Caruman Diperuntukkan yang dibayar oleh Peserta ke dalam Dana-dana Berkaitan Pelaburan.</li> <li>DPP terdiri daripada Akaun Perlindungan dan Akaun Simpanan. Caruman berkala untuk pelan asas dan caruman tokokan tidak berjadual akan diperuntukkan ke dalam Akaun Perlindungan, sementara caruman tokokan berjadual akan diperuntukkan ke dalam Akaun Simpanan.</li> </ul>
Dana Risiko Peserta (DRP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>DRP adalah dana di mana <i>Tabarru'</i> dikreditkan untuk tujuan menyediakan perlindungan dan membayar tuntutan-tuntutan ke atas perkara/risiko di bawah liputan Sijil Takaful.</li> <li><i>Tabarru'</i> ditolak secara bulanan daripada nilai di dalam Akaun Perlindungan dan Akaun Simpanan (jika kebenaran diperolehi dari Pencarum) dan dikreditkan ke dalam DRP.</li> <li><i>Tabarru'</i> adalah satu bentuk derma bertujuan untuk saling bantu-membantu di kalangan Peserta-Peserta yang memerlukan bantuan.</li> </ul>

### S: Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

- Tabarru'**  
*Tabarru'* ditolak setiap bulan bergantung kepada umur tercapai dan akan meningkat apabila umur anda semakin meningkat.
- Caj Perkhidmatan Bulanan**  
Caj perkhidmatan bulanan ditolak setiap bulan melalui pemotongan unit dari nilai akaun anda seperti di bawah:

Mod Pembayaran Caruman	Caj Perkhidmatan Bulanan
Bulanan	RM 6.36
Suku Tahunan, Setengah Tahunan atau Tahunan	RM 5.30

Caj perkhidmatan bulanan di atas adalah termasuk dengan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada kadar semasa iaitu 6% dan mungkin tertakluk kepada perubahan.

### iii. Caj Pengurusan Dana

No	Dana	Caj Semasa*
1.	A-Dana Income	0.500% setahun
2.	A-Dana Equity	1.500% setahun
3.	A-Dana Balanced	1.200% setahun

\* Dicaj sebagai peratusan dari nilai aset bersih

Nota: Pengendali Takaful berhak untuk menyemak semula caj-caj dengan memberi Peserta notis bertulis 3 bulan terlebih dahulu.

### S: Bagaimana saya menentukan jenis dana untuk portfolio pelaburan saya?

Anda perlu tahu toleransi risiko peribadi anda apabila memilih portfolio pelaburan anda. Anda boleh mengetahui maklumat lanjut mengenai Dana Berkaitan Pelaburan dan faedah serta risiko dalam risalah Helaian Fakta Dana.

Setiap Dana Berkaitan Pelaburan kami adalah tertakluk kepada Caj Pengurusan Dana. Sila rujuk kepada Helaian Pendedahan Produk dan Ilustrasi Produk untuk jenis dana yang tersedia untuk **A-Life Signature-i** dan **A-Life Signature-i PlusOne** dan caj masing-masing.

### S: Berapakah jenis Dana yang terdapat untuk pelan A-Life Signature-i dan A-Life Signature-i PlusOne?

Terdapat 3 jenis Dana untuk pelan ini. Anda boleh mengetahui lebih lanjut dengan menyemak Helaian Fakta Dana.

No	Dana Pelaburan	Objektif Pelaburan	Instrumen
1.	A-Dana Income	Untuk menyediakan aliran pendapatan yang mantap dan kenaikan modal jangka panjang sambil mengekalkan modal yang dilaburkan.	Melabur dalam sekuriti pendapatan tetap (Sukuk), instrumen pasaran kewangan Islam dan Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) yang diluluskan Syariah dan yang disenaraikan di Bursa Malaysia.
2.	A-Dana Equity	Untuk memaksimumkan kenaikan modal jangka sederhana hingga jangka panjang.	Melabur dalam ekuiti yang diluluskan oleh Syariah, Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) dan sekuriti berkaitan equiti yang disenaraikan di Bursa Malaysia.
3.	A-Dana Balanced	Untuk memaksimumkan jumlah pulangan dengan tahap keselamatan modal yang munasabah.	Melabur dalam portfolio pelbagai yang terdiri daripada saham, bon dan instrument pasaran kewangan yang patuh Syariah.

### S: Adakah saya layak untuk menukar dana dan apakah caj-caj bagi penukaran dana?

Ya, anda dibenarkan untuk menukar dana anda mengikut tahap toleransi risiko anda. Caj penukaran dana buat masa ini adalah percuma. Pengendali Takaful berhak untuk menyemak semula caj dengan memberi Peserta-peserta notis bertulis 3 bulan terlebih dahulu.

### S: Bagaimanakah caranya untuk saya mengetahui harga unit dana saya?

Harga unit bagi Dana Berkaitan Pelaburan yang diterbitkan di dalam laman web Syarikat di [www.aia.com.my](http://www.aia.com.my).

### S: Adakah saya akan mendapat lebih?

Lebih akan ditentukan dan diisytiharkan, jika ada, sekali setahun oleh Pengendali Takaful. Jika ada lebih yang wujud daripada DRP, lebih bersih, selepas ditolak dengan tuntutan yang perlu dibayar dan modal yang diperlukan akan diagihkan kepada Pengendali Takaful dan Peserta-peserta yang layak pada nisbah berikut:

	Pengendali Takaful	Peserta-peserta
Lebih dalam DRP	50%	50%

Lebih akan dikongsi oleh para Peserta yang layak mengikut kadar *Tabarru'* mereka dan akan dikreditkan ke dalam Akaun Perlindungan setiap DPP individu.

**S: Adakah caruman yang dibayar untuk pelan A-Life *Signature-i* dan A-Life *Signature-i PlusOne* layak untuk pelepasan cukai pendapatan?**

Ya. Caruman dibayar untuk pelan ini boleh melayakkan anda mendapat pelepasan cukai peribadi tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

**S: Apa yang tidak dilindungi oleh A-Life *Signature-i* dan A-Life *Signature-i PlusOne*?**

**Faedah Kematian atau Faedah Kematian semasa menunaikan Haji atau Umrah**

Pelan ini tidak melindungi:

- Kematian yang disebabkan oleh membunuh diri semasa siuman atau tidak siuman dalam tempoh 1 tahun dari tarikh penyertaan atau tarikh mula, yang mana dahulu.

**Faedah HUMK**

Pelan ini tidak melindungi:

- Pendedahan kepada bahaya secara sengaja, cubaan pemusnahan diri atau kecederaan diri semasa siuman ataupun tidak siuman;
- Perkhidmatan dalam angkatan bersenjata semasa peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan atau semasa menjalani perintah untuk operasi yang menyerupai peperangan atau pemulihan ketenteraman awam;
- Memasuki, keluar, mengendali, memberi khidmat, atau diangkut melalui sebarang peranti atau pengangkutan udara melainkan apabila Orang Dilindungi adalah penumpang berbayar atau ahli krew untuk penerbangan pengangkutan udara komersial di perjalanan penumpang berjadual biasa melalui laluan penumpang yang ditetapkan;
- Sebarang kecacatan kongenital yang telah dipaparkan atau telah didiagnosiskan sebelum Orang Dilindungi mencapai umur tujuh belas 17 tahun; atau
- Hilang upaya yang sedia ada akibat keadaan fizikal atau mental.

**Faedah Kematian akibat Kemalangan (termasuk semasa menggunakan Pengangkutan Awam)**

Pelan ini tidak melindungi:

- Serangan atau pembunuhan;
- Rusuhan dan keganasan awam, tindakan industri atau kegiatan pengganas;
- Pendedahan kepada bahaya secara sengaja, cubaan pemusnahan diri atau kecederaan diri semasa siuman ataupun tidak siuman;
- Peperangan, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, atau revolusi;
- Perkhidmatan dalam sebarang angkatan bersenjata semasa peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan atau semasa menjalani perintah untuk operasi yang menyerupai peperangan atau pemulihan ketenteraman awam;
- Membuat tangkapan sebagai pegawai undang-undang;
- Perlanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang daripada ditahan;
- Terlibat dalam sebarang pergaduhan atau perkelahian;
- Berlumba dengan menunggang kuda atau kenderaan beroda;
- Kemalangan yang berlaku ketika atau kerana Orang Dilindungi dipengaruhi oleh alkohol, sebarang dadah yang bukan dipreskripsikan atau dadah haram;
- Hernia, infeksi ptomaina atau bakteria (kecuali infeksi piogenik yang berlaku dengan atau melalui luka atau cedera akibat kemalangan);
- Penggunaan atau penyedutan disengajakan atau secara cuai gas, racun atau asap berbahaya; atau
- Memasuki, keluar, mengendali, memberi khidmat, atau diangkut melalui sebarang peranti atau pengangkutan udara melainkan apabila Orang Dilindungi adalah penumpang berbayar atau ahli krew untuk penerbangan pengangkutan udara komersial di perjalanan penumpang berjadual biasa melalui laluan penumpang yang ditetapkan.

Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah pelan ini.

## Untuk perhatian anda:

### Pendedahan Am

1. Anda harus memastikan pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar amaun caruman yang perlu dibayar di bawah sijil ini.
2. Jika sijil ini dibatalkan dalam tempoh percubaan 15 hari, yuran *Wakalah*, Nilai Akaun (jika ada), sebarang *Tabarru'* dan Caj Perkhidmatan Bulanan yang telah ditolak selepas dikurangkan perbelanjaan perubatan (jika ada) akan dipulangkan.
3. *Tabarru'* untuk pelan ini adalah tidak dijamin dan AIA PUBLIC berhak untuk menyemak semula *Tabarru'* dengan memberi Peserta 3 bulan notis bertulis terlebih dahulu.
4. **Pelan ini merupakan pelan Takaful Berkaitan Pelaburan yang terikat kepada prestasi aset yang mendasari, dan ianya bukan satu produk pelaburan semata-mata seperti unit amanah.**
5. Jika anda tidak membayar caruman, sijil anda akan terus berkuatkuasa, selagi Nilai Akaun dalam Dana Pelaburan Peserta (DPP) adalah mencukupi untuk menampung caj-caj yang berkaitan. Jika sebarang caruman tidak dibayar dan Nilai Akaun DPP tidak mencukupi untuk menampung caj-caj sijil berkaitan, sijil anda akan luput selepas tempoh ihsan.
6. Pelan Takaful ini tidak menyediakan faedah daripada Dana Risiko Peserta (DRP) selepas penamatan, mencapai tempoh matang atau apabila sijil ditamatkan.
7. Sila rujuk kepada Ilustrasi Produk untuk faedah-faedah yang dijamin dalam pelan ini.
8. Penyertaan dalam sijil Takaful Keluarga caruman berkala adalah satu komitmen jangka panjang. Anda dinasihatkan supaya tidak memiliki pelan ini hanya untuk jangka masa yang pendek sahaja kerana kos permulaannya adalah tinggi.
9. Anda mungkin mahu mempertimbangkan penyertaan dalam pelan Takaful berkaitan pelaburan caruman tunggal untuk memaksimumkan pulangan pelaburan anda dengan perlindungan hayat yang minimum. Walau bagaimanapun, pilihan ini mungkin tidak boleh memenuhi keperluan perlindungan anda.
10. Risalah ini hanya memberikan ringkasan tentang ciri-ciri utama pelan ini. Ia tidak membentuk satu Sijil Takaful. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk maklumat lanjut tentang terma dan syarat yang bertepatan.
11. Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Keluarga, sila rujuk kepada buku kecil maklumat insuran berkenaan "Takaful Keluarga" dan "Perubatan dan Kesihatan Takaful", atau layari laman web [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

### **Pendedahan Berkaitan Dana**

1. Sebelum melabur ke dalam Dana Berkaitan Pelaburan ("Dana"), anda perlu mengambil kira sama ada Dana ini memenuhi objektif pelaburan dan tahap risiko anda.
2. Anda harus sedia maklum bahawa mana-mana pelaburan mempunyai risiko pelaburan yang akan ditanggung sepenuhnya oleh Peserta.
3. Nilai Akaun dalam Dana Peserta tidak dijamin dan akan berubah-ubah berdasarkan prestasi Dana, dan pulangan mungkin kurang daripada jumlah caruman yang disumbangkan kepada Dana.
4. Pulangan Dana (jika ada) akan berdasarkan kepada prestasi sebenar daripada Dana. Aset yang mendasari setiap Dana dinilai pada setiap hari perniagaan untuk menentukan harga unit.
5. Prestasi Dana ini tidak terjamin dan nilai pelaburan dan pendapatan yang diperolehi boleh meningkat atau berkurangan. Prestasi masa lalu bukan panduan kepada prestasi akan datang atau berkemungkinan.
6. AIA PUBLIC berhak untuk menggantung penerbitan atau penebusan unit-unit dalam mana-mana keadaan luar biasa seperti penutupan sementara mana-mana bursa berdaftar yang berkaitan atau kemungkinan kesan buruk kesan jualan umum pelaburan dalam tempoh yang singkat.

### **Pendedahan untuk A-Life *Signature-i* dan A-Life *Signature-i PlusOne*:**

1. Hanya satu A-Life *Signature-i* boleh ditandakan kepada A-Life *Signature-i PlusOne*.
2. Amaun perlindungan maksimum untuk A-Life *Signature-i PlusOne* terhad kepada amaun perlindungan A-Life *Signature-i* yang ditandakan.
3. Caruman untuk A-Life *Signature-i PlusOne* adalah 10% rendah dari caruman sebenar A-Life *Signature-i*.
4. Caruman yang dikurangkan hanya terpakai kepada caruman standard A-Life *Signature-i PlusOne*.
5. Caruman A-Life *Signature-i PlusOne* yang dikurangkan adalah tertakluk kepada keadaan status sijil A-Life *Signature-i* yang ditandakan masih berkuat kuasa, matang atau ditamatkan disebabkan oleh tuntutan.
6. Caruman A-Life *Signature-i PlusOne* akan dikenakan pada caruman sebenar (bersamaan dengan A-Life *Signature-i*) pada tarikh pembayaran serta-merta selepas A-Life *Signature-i* yang ditandakan diserahkan, luput atau ditamatkan selain daripada disebabkan oleh tuntutan.
7. Nilai akaun A-Life *Signature-i PlusOne* adalah bergantung kepada caruman yang perlu dibayar dan tertakluk kepada peruntukan caruman dan penolakan caj sijil. Nilai akaun A-Life *Signature-i PlusOne* mungkin kurang daripada A-Life *Signature-i* kerana caruman yang dibayar adalah lebih rendah.
8. Bonus Kesetiaan adalah bersamaan dengan 10% daripada *Tabarru'* ditolak sepanjang tahun sijil dan akan dikreditkan ke dalam Dana Pelaburan Peserta pada akhir setiap tahun sijil, dengan syarat bahawa pada akhir tahun sijil A-Life *Signature-i PlusOne* berkuat kuasa dan A-Life *Signature-i* yang ditandakan berkuat kuasa atau matang atau ditamatkan disebabkan oleh tuntutan.











### **Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)**

Sila maklum bahawa bermula 1 April 2015, Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) akan dikenakan ke atas *Tabarru'* yang perlu dibayar pada kadar semasa untuk rider-rider bercukai sijil anda, jika dilampirkan bersama sijil anda. GST juga boleh dicaj ke atas yuran dan caj yang dikenakan kepada sijil anda. Amaun ini akan ditolak dari Nilai Akaun sijil anda.

Risalah ini hanya mengandungi keterangan ringkas mengenai produk ini dan tidak menyeluruh. Anda disarankan untuk mendapatkan salinan Ilustrasi Produk, Helaian Pendedahan Produk dan Helaian Fakta Dana untuk maklumat lanjut tentang produk ini. Untuk penjelasan terperinci berkenaan faedah, pengecualian, terma dan syaratnya, sila rujuk kepada Sijil Takaful.



## A closer look at the benefits

 <p><b>PROTECTING YOUR LOVED ONES' FUTURE AND LIFESTYLE!</b></p>	<p>Pays higher of <b>100%</b> of your current coverage amount<sup>1</sup> or account value if you pass away or suffer Total and Permanent Disability (TPD)<sup>2</sup></p>  <p>Pays higher of <b>200%</b> of your current coverage amount<sup>1</sup> or account value if you pass away in an accident<sup>2</sup> or while performing <i>Hajj</i> or <i>Umrah</i><sup>2</sup></p>  <p>Pays higher of <b>300%</b> of your current coverage amount<sup>1</sup> or account value if accidental death happens while you are in public conveyance<sup>2</sup></p> 
 <p><b>REWARDS WITH VALUE AT MATURITY!</b></p>	<p>Receive <b>100%</b> of your account value at maturity as well as a <b>Maturity Booster</b>, which is an additional <b>20%</b> of your account value<sup>3</sup></p> 
 <p><b>ENHANCE YOUR PROTECTION!</b></p>	<p>Protect yourself against critical illness with the optional benefits:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• A-Plus <i>CriticalCare-i</i> – pays you a lump sum benefit upon diagnosis of critical illness<sup>4</sup></li> <li>• A-Plus <i>Waiver-i</i> – waives the regular contribution upon diagnosis of critical illness</li> </ul> 
 <p><b>CHOOSE ACCORDING TO YOUR NEEDS!</b></p>	<p>You have the flexibility to choose your <b>maturity age / coverage term</b> and the <b>contribution payment term</b></p> 









Note:

<sup>1</sup> For death after age 80, an additional 20% of account value is payable excluding account value from ad hoc top up (if any), and subject to a maximum of 20% of the current coverage amount of the basic plan. We will only pay either one of those benefits.

